



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDARAN FONOLOGIKAL DALAM KEMAHIRAN AWAL MEMBACA KANAK-KANAK PRASEKOLAH

SITI AZ ZAHARAH BINTI ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN)

PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan kesedaran fonologikal dalam kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah melalui pelaksanaan aktiviti kesedaran fonologikal. Kajian ini berdasarkan tiga objektif utama iaitu mengenal pasti penguasaan kesedaran fonologikal kanak-kanak dalam kemahiran awal membaca, meninjau penerimaan kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti kesedaran fonologikal dan mengenal pasti pandangan guru terhadap kesedaran fonologikal dalam pembelajaran kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah. Kajian kualitatif berbentuk kajian kes ini melibatkan lapan orang kanak-kanak prasekolah berumur lima tahun dan seorang guru prasekolah. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur dengan berpandukan senarai semak untuk mengenal pasti penguasaan kesedaran fonologikal dalam kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah. Kaedah temu bual semi struktur digunakan bagi mendapatkan pandangan guru berkaitan kesedaran fonologikal dalam kemahiran awal membaca kanak-kanak melalui pelaksanaan aktiviti kesedaran fonologikal. Analisis dokumen digunakan untuk menyokong dan melengkapkan maklumat yang diperolehi melalui pemerhatian dan temu bual. Data dianalisis dalam bentuk deskriptif. Kajian ini turut menumpukan kepada empat komponen dalam kemahiran awal membaca iaitu perbendaharaan kata, fonik, kefahaman dan kelancaran. Dapatan kajian mendapati kanak-kanak mudah menguasai 'tugas' peringkat *rhyme*, ayat dan suku kata tetapi mereka mengalami kesukaran pada peringkat onset dan rima. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kanak-kanak memberi maklum balas positif terhadap aktiviti kesedaran fonologikal dan guru prasekolah berpandangan bahawa kesedaran fonologikal memberi kesan yang positif terhadap kemahiran awal membaca kanak-kanak di prasekolah. Implikasi kajian ini menunjukkan penguasaan kesedaran fonologikal dapat meningkatkan kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah yang mengalami kesukaran membaca.





PHONOLOGICAL AWARENESS IN EARLY READING SKILL OF PRESCHOOL CHILDREN

ABSTRACT

The purpose of this research is to observe the phonological awareness ability in early reading skills of preschool children during phonological awareness activities. This research is based on three main objectives which are observe the phonological awareness ability in early reading skills of preschool children, observe the participation of preschool children on phonological awareness activities and gather teacher's opinion regarding phonological awareness as a classroom instruction in early reading skills of preschool children. This qualitative case study involved eight five years old preschool children and one preschool teacher as respondents. The study used structured observation based on a checklist to observe phonological awareness ability in early reading skills of preschool children. The semi structured interview method was used to obtain the teacher's opinion regarding the phonological awareness in early reading skills of children during the implementation of these activities. Besides, document analysis was used to triangulate the information acquired from observations and interviews. The data was analysed in descriptive manner. This study also focused on four components of early reading skills which are vocabulary, phonics, comprehension and fluency. Findings revealed that the tasks at rhymes, sentences and syllables levels were easier for children but they had difficulty at onsets and rimes levels. The findings also highlight that the children showed positive responses to the phonological awareness activities and the teacher's opinion stated that the phonological awareness has a positive impact in early reading skills of children during the preschool years. The implication of study showed that the phonological awareness ability can raise the early reading skills among preschool children with reading difficulties.





KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii



1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	11
1.5	Objektif Kajian	12
1.6	Soalan Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.8	Batasan Kajian	15
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.10	Definisi Operasi Kajian	19
1.10.1	Penguasaan	20
1.10.2	Kesedaran Fonologikal (<i>Phonological Awareness</i>)	20
1.10.3	Kemahiran Awal Membaca	21





1.10.4	Kanak-kanak Prasekolah	21
1.11	Kesimpulan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Teori-teori Perkembangan Bahasa	24
2.2.1	Model Dual Route	24
2.2.2	Model Modified Dual Route	25
2.2.3	Teori Lev Vygotsky	27
2.3	Kesedaran Fonologikal	29
2.3.1	Kesedaran Fonemik	36
2.3.2	Kesedaran Fonologikal dan Fonik	38
2.4	Aktiviti Kesedaran Fonologikal Dalam Kemahiran Membaca	40
2.4.1	Peringkat <i>Rhyme</i>	41
2.4.2	Peringkat Ayat	44
2.4.3	Peringkat Suku Kata	46
2.4.4	Peringkat Onset-Rima	48
2.5	Kemahiran Awal Membaca Kanak-Kanak Prasekolah	49
2.5.1	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	52
2.5.2	Sistem Ejaan Bahasa Melayu	56
2.5.3	Hubungan Kesedaran Fonologikal dan Kemahiran Awal Membaca	59
2.6	<i>Scaffolding</i> dalam Pengajaran Kemahiran Awal Membaca	62
2.7	Kesedaran Fonologikal Dalam Kemahiran Awal Membaca	65
2.7.1	Peranan Guru Terhadap Kemahiran Awal Membaca	68
2.7.2	Pengetahuan dan Pandangan Guru Terhadap Kesedaran Fonologikal	70
2.8	Kesimpulan	73





BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	74
3.2	Reka Bentuk Kajian	75
3.3	Lokasi dan Sampel Kajian	78
3.3.1	Kanak-Kanak Prasekolah	79
3.3.2	Guru Prasekolah	80
3.4	Aktiviti Kesedaran Fonologikal	80
3.5	Instrumen Pengumpulan Data Kualitatif	86
3.5.1	Penggunaan Senarai Semak Kanak-kanak	86
3.5.2	Soalan Temu Bual Guru Prasekolah	89
3.5.3	Borang Maklumat Diri Kanak-kanak Prasekolah	91
3.6	Prosedur Kajian	92
3.7	Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif	93
3.7.1	Pemerhatian dan Senarai Semak	94
3.7.2	Temu bual	98
3.7.3	Analisis Dokumen	101
3.7.4	Physical Artifacts	102
3.8	Pengendalian Kajian	103
3.9	Analisis Data	105
3.9.1	Senarai Semak Pemerhatian	108
3.9.2	Temu Bual	109
3.9.3	Analisis Dokumen	110
3.10	Triangulasi	111
3.11	Kajian Rintis	114
3.12	Kesahan Instrumen Pemerhatian dan Temu Bual	115
3.13	Kebolehpercayaan Instrumen Pemerhatian dan Temu Bual	117





3.14	Isu-Isu Etika Dalam Kajian	118
3.14.1	Persetujuan	118
3.14.2	Sulit	119
3.14.3	Integriti	120
3.15	Kesimpulan	120

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	122
4.2	Latar Belakang Kajian	123
4.2.1	Persekutaran Kelas	123
4.2.2	Kanak-kanak Prasekolah	124
4.2.3	Guru Prasekolah	127
4.3	Apakah penguasaan kesedaran fonologikal kanak-kanak dalam kemahiran awal membaca melalui aktiviti yang dijalankan?	128
4.3.1	Senarai Semak Komponen Perbendaharaan kata	129
4.3.2	Senarai Semak Komponen Fonik	149
4.3.3	Senarai Semak Komponen Kefahaman	162
4.3.4	Senarai Semak Komponen Kelancaran	182
4.4	Bagaimanakah penerimaan kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti kesedaran fonologikal dalam pembelajaran kemahiran awal membaca?	195
4.5	Apakah pandangan guru terhadap kesedaran fonologikal dalam pembelajaran kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah?	204
4.6	Kesimpulan	220

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	222
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	223
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	225





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

x

5.3.1	Apakah penguasaan kesedaran fonologikal kanak-kanak dalam kemahiran awal membaca melalui aktiviti yang dijalankan?	229
5.3.2	Bagaimanakah penerimaan kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti kesedaran fonologikal dalam pembelajaran kemahiran awal membaca?	245
5.3.3	Apakah pandangan guru terhadap kesedaran fonologikal dalam pembelajaran kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah?	249
5.4	Implikasi	259
5.4.1	Implikasi Terhadap Kanak-kanak Prasekolah	259
5.4.2	Implikasi Terhadap Guru	261
5.5	Cadangan	263
5.5.1	Cadangan Pendidikan	264
5.5.2	Cadangan Penyelidikan	265



05-4506832



5.6 pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



267 ptbupsi

RUJUKAN

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
2.1 Unit Fonologikal Bahasa	34
2.2 Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Tunjang Komunikasi Bahasa Melayu	55
2.3 Huruf dan fonem vokal	57
2.4 Huruf dan fonem diftong	57
2.5 Huruf dan fonem gabungan	58
2.6 Struktur Suku Kata	58
2.7 Onset dan Rima dalam Struktur Suku Kata	59
3.1 Jadual Penentu Ujian (JPU)	85
3.2 Ringkasan Sumber Data	103
4.1 Latar Belakang Kanak-kanak Prasekolah	127
4.2 Komponen Perbendaharaan Kata dalam Aktiviti Kesedaran Fonologikal	129
4.3 Komponen Fonik dalam Aktiviti Kesedaran Fonologikal	149
4.4 Komponen Kefahaman dalam Aktiviti Kesedaran Fonologikal	162
4.5 Komponen Kelancaran dalam Aktiviti Kesedaran Fonologikal	182





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1.	Kerangka Konseptual Kajian 19
2.1.	Peringkat Kesedaran Fonologikal (Model Chard dan Dickson, 1999) 31
2.2.	Kontinum Perkembangan Kesedaran Fonologikal 35
2.3.	<i>Bead Counting</i> 45
3.1.	Kerangka Instrumen Kajian Pengumpulan Data Kualitatif 86
3.2.	Komponen Analisis Data: Model Interaktif 106
3.3.	Triangulasi data 113
4.1.	Kedudukan Kelas D2 124
4.2.	Aktiviti memadankan gambar yang mempunyai <i>rhyming</i> 1 130
4.3.	Aktiviti bertepuk tangan mengikut bilangan suku kata 136
4.4.	Aktiviti memilih kad bergambar berdasarkan perkataan yang disebut 141
4.5.	Aktiviti memilih gambar berdasarkan gabungan onset dan rima 145
4.6.	Aktiviti menyanyi lagu <i>Di Malam Yang Sepi</i> 150
4.7.	Aktiviti memadankan gambar yang mempunyai <i>rhyming</i> 2 152
4.8.	Aktiviti memilih gambar yang mempunyai onset yang sama 157
4.9.	Aktiviti meletakkan bongkah lego di setiap perkataan pada kad ayat 169
4.10.	Kanak-kanak meletakkan dua bongkah lego pada satu perkataan 171





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

4.11.	Aktiviti mengasingkan kad gambar mengikut bilangan suku kata	177
4.12.	Aktiviti menunjuk pada bacaan dengan betul dan tepat	183
4.13.	Aktiviti mengira bilagan suku kata dalam perkataan	187
4.14.	Aktiviti menyebut perkataan berdasarkan gabungan onset dan rima	191



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Tesis ini mengkaji tentang penguasaan kesedaran fonologikal kanak-kanak dalam kemahiran awal membaca pada peringkat prasekolah. Oleh itu, bab ini akan membincangkan tentang latar belakang kajian dan penyataan masalah yang membawa kepada kajian ini dijalankan. Bab ini juga memfokuskan tujuan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Definisi operasi kajian diterangkan bagi memudahkan kefahaman pembaca terhadap perkara yang dikaji oleh pengkaji.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Membaca merupakan proses linguistik (Triyanty, 2010) dan sumber pengetahuan serta asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan (Abdul Rasid, 2011). Kanak-kanak prasekolah perlu menguasai kemahiran awal membaca yang merupakan peringkat kemahiran kedua selepas peringkat prabacaan (Naimah, Nor Hashimah, & Othman, 2011). Kemahiran awal membaca adalah sangat penting kepada kanak-kanak prasekolah. Kebolehan membaca pada peringkat awal kanak-kanak menjadi pengukur kepada kecerdikan kanak-kanak (Zainiah, 2004).

Kemahiran membaca merupakan aspek penting dalam memperoleh kecemerlangan akademik yang baik (Lonigan, Burgess, & Anthony, 2000). Kanak-kanak perlu menguasai kemahiran awal membaca pada peringkat awal supaya perkembangan literasi tidak terbantut. Pendidikan prasekolah merupakan persediaan awal kanak-kanak yang paling disarankan kepada kanak-kanak sebagai langkah persediaan melengkapkan diri dengan kemahiran literasi sebelum melangkah ke pendidikan sekolah rendah. Kanak-kanak yang sudah menguasai kemahiran awal membaca di peringkat prasekolah sebagai persediaan ke pendidikan rendah dapat membantu mereka memahami pembelajaran di dalam kelas (Rita & Rohaty, 2009).

Persaingan dalam kalangan ibu bapa bagi memastikan anak-anak mereka dapat menguasai asas kemahiran literasi awal dengan cepat telah mendorong kepada penambahan bilangan kanak-kanak memasuki pendidikan prasekolah. Penambahan bilangan kanak-kanak di pendidikan prasekolah berlaku kerana kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan awal kanak-kanak dan peningkatan bilangan ibu bapa





yang bekerja (Nor Hashimah & Yahya, 2003). Kanak-kanak mula diberikan pendedahan literasi melalui pendidikan untuk menguasai kemahiran baru seperti membaca, menulis, mengira, mengira dan kemampuan berfikir untuk membuat penilaian. Namun begitu, penambahan bilangan kanak-kanak di pendidikan prasekolah dilihat tidak juga mengurangkan masalah ketinggalan membaca dalam kalangan kanak-kanak apabila mereka berada di peringkat rendah.

Kanak-kanak yang memasuki alam persekolahan menghadapi cabaran dalam mengenal dan memahami perkataan bercetak (Yopp & Yopp, 2009). Kemahiran membaca merupakan asas penting kepada kejayaan akademik kanak-kanak di peringkat sekolah (Lonigan et al., 2000). Persediaan kanak-kanak dalam mempelajari kemahiran awal membaca memerlukan kemahiran mengenal perkataan bercetak dan mempelajari bagaimana untuk memahami bahan yang bercetak (Yopp & Yopp, 2009). Pendidikan prasekolah menyediakan peluang kepada kanak-kanak mempelajari kemahiran awal membaca melalui perancangan pengajaran dan pembelajaran oleh guru.

Perancangan pengajaran pendidikan prasekolah adalah berpandukan kurikulum yang digubal. Kurikulum digubal mengikut keperluan perkembangan kanak-kanak iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010) yang mengandungi penekanan terhadap perkembangan bahasa dan literasi kanak-kanak dalam meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak. KSPK merupakan dokumen rujukan kepada semua pengusaha prasekolah dengan memberikan penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun.





Perkembangan bahasa dan literasi yang baik dapat menjamin pendidikan kanak-kanak peringkat yang lebih tinggi dan mempunyai potensi masa hadapan yang cemerlang (Kupcha-Szrom, 2011). Kemahiran membaca menjadi asas kejayaan bagi setiap individu itu untuk berjaya dalam persekolahan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi (Lonigan et al., 2000). Amalan pengajaran di peringkat prasekolah harus bersesuaian dengan tahap pemahaman kanak-kanak agar pembelajaran berlaku secara berkesan dan mengelakkan mereka ketinggalan dalam pelajaran. Kelemahan menguasai asas kemahiran membaca setelah memasuki persekolahan menyebabkan kanak-kanak berisiko tinggi diletakkan dalam program pemulihan (Lonigan et al., 2000).

Kesedaran fonologikal merupakan salah satu faktor yang dapat membantu dan meningkatkan kemahiran awal membaca kanak-kanak. Kesedaran fonologikal merupakan salah satu komponen dalam kemahiran membaca selain daripada perbendaharaan kata, fonik, tatabahasa dan kefahaman (National Panel Reading, 2000). Kanak-kanak yang mempunyai kesedaran fonologikal dapat mengenali bahawa huruf sebenarnya mempunyai *rhyme* yang menghasilkan awalan atau akhiran yang sama dan terdiri daripada beberapa fonem (bunyi huruf) yang boleh dimanipulasi untuk membina perkataan baru (Ericson & Juliebo, 1998). Mereka ini berkemampuan menggabungkan bunyi huruf seperti menghubungkaitkan beberapa bunyi suku kata yang didengari untuk menghasilkan perkataan yang bermakna.

Peraturan fonologi memastikan bunyi yang dicantum boleh menjadi perkataan seperti perkataan *kaki* yang merupakan cantuman fonem “ka + ki” dan bukannya cantuman “ki + ka” yang tidak membawa makna dalam Bahasa Melayu (Mahzan, 2008). Kesedaran fonologikal berupaya menyatakan bahawa ayat boleh dibahagikan





kepada perkataan, perkataan dibahagikan kepada suku kata dan seterusnya kepada unit yang paling kecil iaitu fonem (Runge & Watkins, 2006). Kesedaran fonologi membolehkan kanak-kanak memahami struktur sesuatu bahasa terbentuk dan memudahkan mereka membina perkataan yang bermakna daripada unit bunyi bahasa yang didengar.

Kesedaran fonologikal sangat penting dalam kemahiran awal membaca kerana kanak-kanak yang kurang menguasai kesedaran fonologikal lebih cenderung tidak mahir dalam membaca (Hogan, Catts, & Little, 2005; Pratt & Brady, 1988). Kesedaran fonologikal menjadi penentu yang kuat dalam membaca (Shanahan & Lonigan, 2008). Pelaksanaan pengajaran kesedaran fonologikal secara efektif dan efisien ke dalam kelas merupakan inisiatif penting untuk meningkatkan kejayaan membaca dan mengurangkan yang lemah dalam membaca (Carson, Gillon, & Boustedt, 2013). Pendedahan kesedaran fonologikal pada peringkat awal kanak-kanak seperti peringkat prasekolah dapat mengelakkan diri mereka daripada ketinggalan dalam membaca.

Peningkatan bilangan kanak-kanak yang ketinggalan dalam membaca merupakan isu besar dalam sistem pendidikan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia bersama Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah telah menyediakan pelbagai program pemulihan untuk mengatasi kelemahan dalam membaca seperti Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis (KIA2M), Program Literasi dan Numerasi (LINUS) dan Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM). Program pemulihan ini melibatkan kanak-kanak di pendidikan rendah yang didapati lemah dalam kemahiran literasi. Oleh itu, para guru perlu mengambil berat untuk menangani isu ini





supaya kanak-kanak prasekolah seharusnya sudah mampu menguasai kemahiran awal membaca sebelum mereka melangkah ke peringkat sekolah rendah.

1.3 Penyataan Masalah

Penguasaan kemahiran awal membaca merupakan salah satu perkembangan literasi awal kanak-kanak (Duursma, Augustyn, & Zuckerman, 2008). Salah satu komponen penting yang membantu perkembangan literasi kanak-kanak ialah kesedaran fonologikal. Kesedaran fonologikal menumpukan kemahiran memahami bunyi yang terhasil dalam bahasa pertuturan (Ericson & Juliebo, 1998) dan membantu kanak-kanak memahami serta kebolehan memanipulasi bunyi yang didengar (Yopp & Yopp, 2009).



Penguasaan kemahiran literasi di peringkat awal membantu kanak-kanak sebagai persediaan ke sekolah untuk membantu mereka memahami proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Walaupun kanak-kanak telah mempelajari kemahiran awal membaca, namun pembelajaran itu masih gagal membantu mereka untuk membaca. Yahya et al. (2012) mendapati kanak-kanak menunjukkan kelemahan mengenal, membunyikan dan menggabungkan bunyi huruf selepas mempelajari kemahiran awal membaca melalui kaedah fonik. Masalah utama yang masih ada di kalangan kanak-kanak prasekolah ialah menggabungkan bunyi. Kanak-kanak dapat mengingati bunyi huruf tetapi tidak mampu menggambarkan bunyi itu sebagai satu struktur bahasa yang bermakna kerana mereka gagal menggabungkan bunyi selepas membunyikan huruf tersebut.





Kesukaran membaca (*decoding difficulties*) dilihat berpunca daripada masalah dalam proses fonologikal (bunyi bahasa) (Snowling & Hulme, 2011). Kesedaran fonologikal merupakan kunci kejayaan dalam perkembangan literasi kanak-kanak (Carson et al., 2013) dan aktiviti yang penting semasa pembelajaran kemahiran membaca di peringkat prasekolah (Harper, 2011). Kanak-kanak yang menguasai kesedaran fonologikal ini lebih mudah memahami pembelajaran membaca di dalam kelas. Ini kerana kanak-kanak ini telah mempunyai asas bagaimana struktur bahasa terbentuk daripada unit kecil bunyi.

Kelemahan menguasai kemahiran kesedaran fonologikal memberi kesan kepada tahap kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak (Ericson & Juliebo, 1998).

Kanak-kanak didapati masih gagal menguasai kemahiran awal membaca seperti membaca suku kata dan ayat mudah walaupun mempunyai pengalaman belajar di peringkat prasekolah (Hilary, 2005). Keadaan ini terjadi kerana kanak-kanak pada peringkat awal tidak mempunyai kemampuan memanipulasi bunyi-bunyi yang didengar seperti gabungan unit-unit kecil bunyi boleh membentuk suku kata dan gabungan suku kata boleh membentuk perkataan dan akhirnya gabungan perkataan-perkataan boleh menjadi satu ayat yang lengkap.

Bilangan kanak-kanak yang tidak dapat menguasai kemahiran awal membaca masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Murid yang mempunyai penguasaan kesedaran fonologikal yang lemah dilihat menghadapi masalah kesukaran membaca secara berterusan sepanjang persekolahan (Swanson, Hodson, & Schommer-Aikins, 2005). Mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai kesedaran fonologikal yang lemah pada peringkat awal dapat membendung masalah dalam membaca (Ericson &





Juliebo, 1998). Keadaan ini yang berterusan akan mewujudkan jurang penguasaan kemahiran membaca yang lebih ketara dalam kalangan kanak-kanak dan berkemungkinan berdepan dengan risiko yang tinggi keciciran dalam pelajaran berbanding kanak-kanak sebaya yang lain.

Kaedah pengajaran kemahiran awal membaca Bahasa Melayu di pendidikan prasekolah seperti Kaedah Keseluruhan dan Kaedah Abjad cenderung kepada kaedah mengenal dan mengecam huruf daripada memahami struktur bunyi bahasa. Manakala Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) (Isahak et al., 2004) dan Kaedah Fonik (Yahya et al., 2012) merupakan kaedah pengajaran awal membaca yang memberi penekanan terhadap bunyi huruf. Penekanan terhadap mengenal bunyi huruf itu yang terdapat dalam pengajaran itu sebenarnya berkait rapat dengan kesedaran fonologikal tetapi tetap mempunyai perbezaan.



Walaupun Kaedah Gabungan Bunyi Kata dan Kaedah Fonik meniti beratkan kepentingan bunyi huruf tetapi mengajar hubungan antara bunyi dan bentuk huruf kepada kanak-kanak tetap menjadi keutamaan dalam pengajaran kemahiran awal membaca tersebut. Namun bagi kesedaran fonologikal lebih kepada penekanan kepada bunyi huruf serta fungsinya dalam struktur bahasa dan tidak memfokuskan hubungan bunyi huruf dengan nama simbol atau huruf.

Rujukan kepada artikel-artikel berkaitan kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah di Malaysia kurang membincangkan tentang aspek fonologikal secara khusus dalam pembelajaran kanak-kanak prasekolah untuk mempertingkatkan





kemahiran awal membaca kanak-kanak. Kebanyakkan artikel lebih menjuruskan kepada permasalahan pengetahuan & pengenalan huruf di kalangan kanak-kanak.

Kajian Azizah, (2010) menggunakan kaedah bacaan berulang dalam mempertingkatkan kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah kerana beliau mendapati mereka masih mempunyai kelemahan kelancaran dan kefahaman membaca walaupun sudah mampu mengeja serta membaca ayat mudah. Berdasarkan kajiannya menunjukkan kanak-kanak tersebut tidak mempunyai kesedaran fonologikal yang baik kerana tidak mampu menggabungkan beberapa bunyi suku kata yang dieja. Mereka tidak dapat melihat logik hubungan bunyi-bunyi tersebut antara satu sama lain sehingga mengganggu kelancaran membaca mereka.



merupakan langkah awal dalam membentuk perkembangan kesedaran fonologikal (Neilson, 2009). Walaupun kajian Azizah, (2010) itu tidak menyentuh tentang kesedaran fonologikal tetapi penggunaan bacaan berulang tersebut yang melibatkan pengulangan bunyi itu membolehkan kanak-kanak menjadi terbiasa dengan bunyi-bunyi bahasa. Keadaan ini dapat mempertingkatkan penguasaan kesedaran fonologikal mereka bahawa setiap bunyi bahasa adalah saling berkaitan untuk membentuk satu perkataan atau ayat. Seterusnya membantu kelancaran dan kefahaman kanak-kanak dalam kemahiran awal membaca.

Manakala Wan Fatmawati, (2009) menyatakan bahawa kelemahan dalam membezakan bunyi sebutan akan menyebabkan kesukaran kepada kanak-kanak dalam mengecam huruf-huruf. Beliau mendapati kanak-kanak prasekolah mampu untuk





menyebut keseluruhan nama huruf A sehingga Z tetapi masih lemah untuk menyebutkan nama huruf tersebut itu dengan betul apabila huruf ditunjukkan secara rawak kepada mereka terutama huruf-huruf yang mempunyai sebutan yang hampir sama.

Walaupun fokus kajian tersebut lebih kepada memastikan kanak-kanak dapat mengecam huruf melalui kad huruf. Namun, kajiannya ada menyatakan bahawa bebas daripada kekeliruan bunyi dapat membantu kanak-kanak dalam proses mengecam huruf. Kanak-kanak dapat mengatasi kekeliruan bunyi itu sekiranya mereka diberikan pendedahan bagaimana peranan setiap bunyi dalam struktur bahasa itu berbeza dan dapat membina perkataan yang berbeza. Kepekaan terhadap bunyi dan membezakan bunyi bahasa tersebut merupakan elemen penting dalam kesedaran fonologikal.



Felicia (2012) dalam kajiannya menjalankan intervensi kepada kanak-kanak prasekolah yang mengalami masalah membaca. Berdasarkan tinjauan tersebut mendapati kanak-kanak masih belum mengusai kemahiran mengenal dan menyebut huruf. Maka untuk mengatasi masalah tersebut, Felicia (2012) dalam tindakannya menggunakan penggunaan doh dalam membantu kemahiran kanak-kanak mengenal dan menyebut bunyi huruf kecil. Kajian ini menunjukkan aspek pengetahuan huruf kepada kanak-kanak prasekolah lebih diberikan tumpuan berbanding aspek fonologikal dalam menangani masalah kemahiran awal membaca mereka.

Aspek fonologikal merupakan salah satu aspek perkembangan penguasaan bahasa dan literasi awal kanak-kanak yang didapati berkesan dalam membantu kemahiran awal membaca mereka. Namun begitu, penekanan kemahiran kesedaran





fonologikal dalam kemahiran awal membaca kanak-kanak di peringkat prasekolah masih lagi kurang. Kajian-kajian berkenaan kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah yang lebih menumpukan kepada mengecam dan mengenal huruf telah memberi satu *research gap* kepada pengkaji dalam menerokai dan memahami lebih lanjut peranan kesedaran fonologikal dalam membantu kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah.

Kesedaran fonologikal memberi pengetahuan kepada kanak-kanak bagaimana peranan bunyi kepada sesuatu bahasa serta meningkatkan kepekaan dan kefahaman kanak-kanak terhadap bunyi dalam bahasa pertuturan (Carson et al., 2013). Kanak-kanak yang menguasai kesedaran fonologikal dapat membahagikan unit besar bunyi kepada unit bunyi yang lebih kecil, mengenal pasti bunyi dalam perkataan dan menghasilkan *rhyme* bagi perkataan tertentu (Yopp & Yopp, 2009). Ini membantu kanak-kanak dalam pembelajaran kemahiran awal membaca. Oleh itu, integrasi kesedaran fonologikal ke dalam pengajaran di dalam kelas mampu meningkatkan penguasaan kemahiran membaca yang baik (Carson et al., 2013).

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan kesedaran fonologikal kanak-kanak dalam kemahiran awal membaca melalui aktiviti kesedaran fonologikal, meninjau penerimaan kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti kesedaran fonologikal dan mengenal pasti pandangan guru terhadap kesedaran fonologikal dalam membantu pembelajaran kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah.





1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti penguasaan kesedaran fonologikal kanak-kanak dalam kemahiran awal membaca melalui aktiviti yang dijalankan.
- b) Meninjau penerimaan kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti kesedaran fonologikal dalam pembelajaran kemahiran awal membaca.
- c) Mengenal pasti pandangan guru terhadap kesedaran fonologikal dalam pembelajaran kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah.



1.6 Soalan Kajian

Merujuk kepada pernyataan masalah kajian yang dibincangkan, kajian ini merungkap penguasaan kesedaran fonologikal dalam kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah sebagai salah satu usaha penting untuk membantu kemahiran awal membaca kanak-kanak. Pelaksanaan kajian ini dijalankan bagi mendapat jawapan kepada soalan-soalan kajian yang diutarakan seperti berikut:

- a) Apakah penguasaan kesedaran fonologikal kanak-kanak dalam kemahiran awal membaca melalui aktiviti yang dijalankan?





- b) Bagaimanakah penerimaan kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti kesedaran fonologikal dalam pembelajaran kemahiran awal membaca?
- c) Apakah pandangan guru terhadap kesedaran fonologikal dalam pembelajaran kemahiran awal membaca kanak-kanak prasekolah?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian berkaitan penguasaan kesedaran fonologikal kanak-kanak dalam kemahiran awal membaca di peringkat prasekolah melalui aktiviti yang dijalankan sepanjang kajian. Dapatan kajian yang diperoleh nanti dapat menunjukkan kesedaran fonologikal mempunyai peranan yang penting dalam kemahiran awal membaca kanak-kanak.

Dapatan kajian nanti dapat memberi pengetahuan bahawa rangsangan fonologi kanak-kanak pada peringkat awal kanak-kanak merupakan keperluan untuk meningkatkan perkembangan kemahiran literasi awal kanak-kanak. Kanak-kanak yang memasuki prasekolah dengan sekadar mempunyai asas kesedaran fonologikal seperti *rhyming* mempunyai kelebihan memahami bagaimana menggabungkan fonem kepada perkataan atau membahagikan perkataan kepada fonem (Pullen & Justice, 2003). Pendedahan kesedaran fonologikal di peringkat prasekolah dapat membantu kanak-kanak peka terhadap bunyi yang terdapat dalam struktur bahasa pertuturan.

